

Prakata



Dr Mohamad Maliki Bin Osman

Menteri di Pejabat Perdana Menteri,
dan Menteri Kedua Pendidikan
dan Hal Ehwal Luar, dan Pengerusi,
Jawatankuasa Pembelajaran dan
Penggalakan Penggunaan Bahasa
Melayu (MLLPC)

Jauh perjalanan, luas pemandangan. Buku merupakan jendela dunia. Kanak-kanak yang banyak membaca mampu membuka jendela itu agar dapat mengamati dunia dengan lensa yang luas. Ibu bapa, guru-guru dan masyarakat memainkan peranan penting dalam usaha menerapkan amalan dan budaya membaca serta membina kemahiran literasi awal kanak-kanak dari peringkat prasekolah.


Idea menghasilkan Siri Nabil dan Nabilah untuk murid sekolah rendah mula tercetus pada tahun 2015 oleh Jawatankuasa Pembelajaran dan Penggalakan Penggunaan Bahasa Melayu (MLLPC). Kini, siri bacaan ini dibawa pula ke peringkat prasekolah. Siri Nabil dan Nabilah peringkat prasekolah ini menyajikan bahan bacaan menarik yang mencakupi pelbagai tema seperti pengorbanan, persahabatan dan hubungan kekeluargaan. Teranyam dalam cerita-cerita ini ialah aspek budaya, nilai dan imaginasi.

Saya akur akan peranan teknologi dalam kehidupan kita kini dan pengaruhnya terhadap kanak-kanak. Teknologi telah membuka ruang dan peluang untuk menyemarakkan lagi pembelajaran kanak-kanak. MLLPC telah berusaha untuk menerbitkan siri bacaan ini dalam bentuk cetakan serta bentuk digital yang boleh didapatkan di laman web rasmi MLLPC. Bahan bacaan digital tersebut boleh dimuat turun ataupun diakses pada bila-bila masa sahaja. Selain itu, MLLPC juga menyediakan aktiviti-aktiviti susulan yang boleh dilakukan oleh kanak-kanak bersama ibu bapa mereka. Aktiviti bersama keluarga ini dapat memupuk sikap positif dan berpotensi untuk menanamkan nilai yang baik.


Siri Nabil dan Nabilah yang terbaharu ini tidak akan dapat dihasilkan tanpa usaha dan sumbangan guru-guru prasekolah. Mereka dengan hati terbuka menyahut cabaran untuk melibatkan diri dalam proses penulisan siri bacaan ini. Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada para guru yang terlibat. Dengan terhasilnya karya kanak-kanak ini, saya pasti hasil penulisan kreatif untuk kanak-kanak dengan berlatarkan konteks tempatan akan dapat diperkaya. Semoga guru-guru prasekolah terus maju dalam meningkatkan usaha untuk melestarikan bahasa Melayu.

*Mekar sejambak bunga kejora,
Gugur sekuntum di tepi paya;
Marilah sahut seruan negara,
Bangsa membaca bangsa berjaya.*

Nabil dan Nabilah ke rumah Datuk dan Nenek semasa cuti sekolah. Mereka membawa buku cerita berjudul "Kancil yang Bijak".



Nabil dan Nabilah tidak sabar untuk mendengar cerita daripada Nenek. "Cepatlah Nenek," kata mereka.



Pada zaman dahulu, ada seekor kancil yang bijak. Dia pernah melepaskan diri daripada harimau.



Harimau ganas. Ia akan makan setiap haiwan yang dijumpainya.



Harimau terjumpa Kancil yang sedang mencari makanan di tepi tasik.



Kancil terkejut dan takut.

Kancil ada idea untuk melepaskan diri.



Eh, Harimau!
Aku ternampak
seekor haiwan
yang kuat
mencari engkau.

Aku tidak
percaya!





Betul. Kata
haiwan itu, ia
lebih hebat
daripada engkau.

Mana boleh?
Akulah yang paling
kuat dan hebat!

Harimau menjadi marah.



Mari kita
cari dia!

Eh, nanti
dahulu Harimau.
Engkau harus
sapukan badan
engkau dengan
madu ini.

Haiwan itu
akan takut
melihat harimau
yang aneh.

A tiger with orange and black stripes is sitting on the ground in a forest. He is holding a golden cup in his right paw and looking angry at a small deer. A speech bubble from the tiger says, "Awat, Kancil! Kalau engkau tipu aku, aku tidak akan melepaskan engkau." The deer is looking up at the tiger with a nervous expression.

Awat, Kancil!
Kalau engkau tipu
aku, aku tidak
akan melepaskan
engkau.

Harimau pun mengikut sahaja
kata Kancil.

A deer is running away from a tiger in a forest. The tiger is following the deer. A speech bubble from the deer says, "Jangan takut Harimau. Aku akan bawakan haiwan itu. Selepas itu, engkau bolehlah makan aku." The deer is looking back over its shoulder at the tiger.

Jangan takut
Harimau. Aku
akan bawakan
haiwan itu.
Selepas itu,
engkau bolehlah
makan aku.

Kancil pun meninggalkan Harimau. Tidak lama
kemudian, datang sekumpulan lebah dan terus
menyerang Harimau.



Kita jangan
bersikap sombong
seperti Harimau.

Wah,
seronoknya
cerita itu,
Nenek!

